

MINGGU SUAI MESRA FSSA SESI 2015/2016

Artikel oleh Fairendy Fairuz

Minggu Suai Mesra peringkat Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) Sesi 2015/2016 telah diadakan pada 4 September 2015. Seramai 691 orang pelajar baharu yang diraikan untuk meneruskan pengajian Ijazah Sarjanamuda Sains di fakulti ini. Majlis ini telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dekan, Prof. Dr. Baba Musta dan turut dihadiri oleh Timbalan-timbalan Dekan, Timbalan Pendaftar, Ketua Unit, Profesor, Ketua Program dan pegawai pengurusan dan profesional FSSA.

Acara dimulakan dengan sesi taklimat dan pengenalan FSSA di Dewan Canselor pada sesi pagi dan kemudian diteruskan lagi pada sesi petang di Bilik Kuliah/ Tutorial di dalam Fakulti bagi mengenali tenaga-tenaga pengajar di dalam Program masing-masing serta lawatan ke makmal dan sekitar bangunan Fakulti. Tahniah diucapkan kepada semua AJK yang terlibat bagi memastikan majlis berjalan lancar.

Bil	Program	Bilangan Pelajar
1	HG 07 Bioteknologi	36
2	HG 19 Perhutanan Tropika Antarabangsa	50
3	HG 20 Taman Alam Semulajadi & Rekreasi	39
4	HG 23 Perladangan Hutan & Perhutani	38
5	HS 03 Biologi Pemuliharaan	79
6	HS 07 Bioteknologi	68
7	HS 08 Matematik dengan Ekonomi	51
8	HS 09 Matematik dengan Komputer Grafik	41
9	HS 11 Sains Sekitaran	64
10	HS 21 Geologi	45
11	HS 22 Fizik dengan Elektronik	42
12	HS 27 Akuakultur	50
13	HS 40 Sains Marin	52
14	HY 11 Teknologi dan Industri Kayu	36
	Jumlah	691